

## COVID-19 MENGUBAH NORMA MUSIM DURIAN

Oleh: Ahmad Ammar bin Mohd Yusof, 1171161,  
Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)  
*Disiarkan pada 1 Ogos 2020*



Musim durian merupakan fenomena yang berlaku setiap tahun di Malaysia. Aktiviti menikmati raja buah itu selalunya dilakukan bersama ahli keluarga dan sahabat handai di gerai-gerai tepi jalan.

Walau bagaimanapun, situasi kali ini agak berbeza kerana negara kita malah seluruh dunia sedang menghadapi pandemik COVID-19. Maka, aktiviti makan durian di Malaysia turut berbeza dari musim-musim sebelumnya.

Banyak gerai menjual durian dibuka di tepi jalan di setiap negeri. Namun, para pelanggan kini tidak lagi dapat memakan terus durian di gerai seperti dahulu.

Mereka hanya boleh membeli dan membawa pulang durian untuk dimakan di rumah. Peraturan sebegini memberi kesan buruk terhadap perniagaan para penjual durian.

Penjualan durian di dusun juga turut terjejas dan perlu mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan iaitu tidak membenarkan pelanggan makan di dusun mereka tetapi harus dibawa pulang.

Pada masa yang sama, kebanyakan penjual durian sudah beralih strategi dengan menggunakan platform jualan secara dalam talian.

Pelbagai platform media sosial seperti Facebook dan Instagram digunakan untuk mempromosikan raja buah itu yang dijual secara tunai semasa penghantaran.

Malah, selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilonggarkan mulai 9 Jun lalu, ramai peniaga masih mengekalkan strategi jualan secara dalam talian.

Selain itu, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan platform e-dagang, Shopee buat julung-julung kalinya bekerjasama untuk memasarkan durian secara dalam talian melalui program 'Durian E-Fiesta'.

Platform e-dagang itu berjaya menarik minat ramai pekebun durian untuk berniaga ketika musim durian bermula.

Semua itu merupakan usaha bagi membantu para penjual durian mengekalkan pendapatan mereka dan pada masa yang sama, rakyat Malaysia dapat menikmati durian kegemaran mereka.



*Gambar 2 Durian turut dipasarkan melalui platform e-dagang iaitu Shopee*

Selain itu, jualan durian tanpa kulit turut mendapat sambutan oleh penggemar-penggemar raja buah ini. Idea jualan ini sangat bernas kerana kebanyakan pelanggan ingin buah yang berkualiti baik dan tidak rosak.

Memandangkan harga durian agak mahal, adalah sangat tidak berbaloi jika durian yang dibeli tidak mencapai kualiti yang memuaskan hati mereka.

Memang musim durian semasa situasi COVID-19 kali ini agak berbeza, namun ia tetap ditunggu-tunggu dan masih mendapat sambutan orang ramai.

Mungkin lebih menyeronokkan kerana ahli-ahli keluarga dapat menikmati buah kegemaran mereka di rumah sendiri dalam suasana yang lebih selesa.